

04/08/1998

Mahathir terima anugerah

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dikurniakan anugerah *Commandeur de la Grande Etoile*, anugerah Djibouti kedua paling tinggi, yang hanya diberikan kepada ketua-ketua kerajaan.

Perdana Menteri menerima anugerah itu ketika mengunjungi Presiden Djibouti Hassan Gouled Aptidon, yang berada di sini sejak semalam bagi lawatan sembilan hari.

Presiden itu mengetuai delegasi Djibouti ke rundingan dua hala dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri petang ini.

Malam itu, beliau menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, disusuli jamuan negara di Istana Negara malam ini. Tuanku Ja'afar dikurniakan anugerah *Grand Dignataire de la Grande Etoile*, anugerah tertinggi negara itu pada jamuan berkenaan.

Terdahulu itu, Presiden Aptidon diberikan sambutan rasmi bagi mengalu-alukan kedatangannya di Medan Parlimen.

Ketibaan beliau disambut Tuanku Ja'afar. Turut hadir ialah Dr Mahathir dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, yang juga sebagai menteri pengiring.

Ketika lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, tembakan hormat 21 das dilepaskan.

Presiden itu kemudian memeriksa perbarisan hormat pegawai dan anggota Batalion Pertama Regimen Askar Melayu Diraja dan diperkenalkan kepada anggota Kabinet dan kor diplomatik.

Lawatannya ke sini adalah atas jemputan Yang di-Pertuan Agong dan ini adalah lawatan pertama beliau serta rombongannya ke Malaysia.

(END)